

1. **Kriteria dan Syarat-syarat Baru Untuk Pemilikan Rumah Kos Rendah (Low-Cost) Swasta**

- a. Pendapatan kasar isi rumah RM3,000.00 dan ke bawah;
- b. Lelaki/wanita bujang berumur 30 tahun ke atas;
- c. Berkahwin dan berumur di antara 18 tahun sehingga 65 tahun
- d. Berkahwin, Ibu/bapa tunggal, janda, balu dan duda;
- e. Warganegara Malaysia yang berasal dari Sarawak dan;
- f. Tidak memiliki rumah lain.

Syarat-syarat Tambahan

- (a) Pemilik rumah kos rendah tidak dibenarkan menjual rumah dalam tempoh lima(5) tahun selepas Perjanjian Jual dan Beli ditandatangani kecuali jika rumah tersebut digadai oleh pihak bank yang mana harganya tertakluk kepada harga pasaran; dan
- (b) Selepas lima (5) tahun, pemilik rumah kos rendah boleh menjual rumah mereka mengikut harga pasaran dan penjualan/pembelian ini tidak lagi akan tertakluk kepada syarat- syarat/kriteria kelulusan permohonan untuk pemilikan rumah kos rendah swasta.

2. **Kriteria dan Syarat-syarat Pemilikan Rumah Kos Sederhana Rendah (Low-Cost Plus house) Swasta**

- a. Warganegara Malaysia yang berasal dari Sarawak;
- b. Pendapatan kasar isi rumah RM5,000.00 ke bawah;
- c. Berumur 18 tahun – 65 tahun bagi yang berkahwin;
- d. Berkahwin, Ibu/bapa tunggal, janda, balu dan duda;
- e. Lelaki/wanita bujang berumur 30 tahun ke atas; dan
- f. Tidak Memiliki rumah lain.

Syarat penjualan rumah sebelum dan selepas lima (5) tahun pembelian adalah sama seperti syarat-syarat tambahan untuk rumah kos rendah.